

01/07/1999

Pakistan mahu Malaysia guna pengaruh sekat India

KUALA LUMPUR, Rabu - Pakistan hari ini meminta Malaysia menggunakan pengaruhnya untuk mendesak India menghentikan tindakan ketenteraan serta menyelesaikan isu konflik Kashmir.

Utusan khas kepada Perdana Menteri Pakistan, Mian Abdul Waheed, berkata kerajaan Pakistan yakin Malaysia sebagai sebuah negara yang dihormati di peringkat antarabangsa, mampu mempengaruhi India menamatkan keganasan di wilayah terbabit.

Sehubungan itu, beliau membawa sepucuk surat daripada Perdana Menteri Pakistan, Nawaz Sharif, untuk disampaikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, petang ini.

"Saya berada di negara ini untuk menggerakkan sokongan negara sahabat dalam meminta India menghentikan keganasan serta mengurangkan ketegangan.

"Oleh kerana India dan Pakistan memiliki keupayaan nuklear serta peluru berpandu jarak jauh, sebarang tindakan tidak bertanggungjawab sudah tentunya mewujudkan kehancuran dan kerugian besar," katanya pada sidang akhbar di Suruhanjaya Tinggi Pakistan, di sini.

India memulakan operasi ketenteraannya pada 9 Mei lalu selepas kira-kira 1,500 pejuang Islam menyeberangi sempadan dan menduduki beberapa puncak gunung yang strategik.

Pakistan menafikan tenteranya terbabit, sebaliknya hanya memberi sokongan terhadap kumpulan pejuang itu. Kekecohan yang meletus dianggap paling serius dalam tempoh 30 tahun lalu.

Dua minggu lalu, rundingan damai untuk meredakan ketegangan di antara dua negara Asia Selatan yang sudah tiga kali berperang, termasuk dua kerana Kashmir, gagal mencapai penyelesaian.

Mian yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Luar Pakistan, berkata Malaysia dipilih kerana ia adalah sebuah negara penting di kalangan masyarakat dunia, anggota Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC).

"Kami mahukan campurtangan pihak ketiga. Apa yang pasti peluang untuk perbincangan dua hala dengan India tidak lagi wujud.

"Inisiatif berkali-kali Pakistan untuk mengadakan dialog dengan India menerusi proses dua hala tidak menerima sambutan positif negara berkenaan," katanya.

Menurut Mian, sikap sambil lewa India terhadap perbincangan diplomatik memaksa Pakistan menghantar utusan khas ke seluruh dunia, bagi memaksa campur tangan pihak ketiga.

Beliau yakin India akan menghentikan keganasan di Kashmir jika dunia menyuarkan bantahan berhubung langkah ketenteraan negara terbabit.

"Saya hanyalah salah seorang daripada beberapa utusan khas dan selain Malaysia, saya sudah ke Oman beberapa hari lalu dan akan berlepas ke Tokyo petang ini," katanya.

(END)